

USM jadi peneraju penyelidikan sel stem

Oleh HAPIZAH AZIZ

KOTA BHARU 10 Feb. - Universiti Sains Malaysia (USM) akan menjadi peneraju penyelidikan sel stem neural (saraf) di negara ini bagi merawat penyakit melibatkan saraf dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Naib Canselor USM, Datuk Prof. Dr. Dzul kifli Abdul Razak berkata, kejayaan sekumpulan penyelidik pada peringkat asas dengan menggunakan haiwan itu akan diperluaskan kepada pesakit lumpuh dan kecederaan otak pada masa hadapan.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi memperuntukkan sebanyak RM215,000 untuk penyelidikan tersebut yang memakan masa selama 18 bulan.

"Kumpulan penyelidik terlibat pula ialah Prof. Jafri Malin Abdullah, Prof. Madya Hasnan Jaafar, Dr. Fauziah Mohamad Idris, Dr. Ab. Rahman Izaini Ghani, Raizah Ab. Hadi, Nor Entan Supeno dan Mohd. Nor Azim Ab. Patar.

"Kejayaan ini membuka ruang yang lebih luas untuk kemajuan penyelidikan penyakit tersebut pada masa hadapan," katanya pada sidang akhbar di Kampus kesihatan USM di Kubang Kerian di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Jabatan Sains Neuro, Kampus Kesihatan USM, Prof. Dr. Jafri Malin Abdullah berkata, dalam penyelidikan awal itu, sel daripada janin dan tulang sum-sum haiwan tersebut dijana serta dijadikan sel stem.

"Sebelum sel stem menjadi sel saraf, ia perlu dibeku di paras negatif 40 hingga 80 darjah sebelum dicairkan semula dan 'dikultur' untuk dijadikan sel saraf" katanya.

Pada peringkat itu, katanya, sel saraf itu digunakan semula untuk dikesan jika terdapat sebarang perubahan berbanding sel asal.

"Kejayaan yang diperolehi mendapati sel itu berjaya digunakan semula ke atas haiwan berkenaan tanpa sebarang masalah," ujarnya.

Katanya, bagaimanapun penggunaan ke atas manusia memerlukan keizinan daripada jawatankuasa etika manusia dan juga pesakit sendiri sebelum ia dilakukan.

Beliau menjangkakan dalam masa dua sehingga tiga tahun prosedur itu dapat diselesaikan dan digunakan untuk kepentingan pesakit.